

## BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1** Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Murid pada hari ini cenderung menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian seperti komputer riba, telefon pintar, dan komputer tablet. Guru perlulah peka terhadap perkembangan yang sedang berlaku. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam bilik darjah akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif. Hal ini demikian kerana murid akan lebih memberikan perhatian terhadap penggunaan bahan yang canggih. Penggunaan TMK juga memberikan impak yang positif bagi jangka masa yang panjang.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Teknologi Pendidikan Pemudah Cara Pengajaran dan Pembelajaran'  
oleh Farra Humairah Mohd,  
*Dewan Siswa, Bil.06/2023*

[8 markah]

- 2** Baca petikan di bawah dengan teliti. Nyatakan ayat tersebut sama ada berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) ataupun Frasa Nama + Frasa Sendi (FN+FS).

Malaysia berada pada kedudukan keempat daripada 10 negara teratas dalam menangani pegangan kehilangan hutan utama setakat 2023. Malaysia hampir berjaya mengekalkan kadar kehilangan hutan pada paras yang rendah. Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, Malaysia ialah negara yang mengurangkan kehilangan hutan utamanya sebanyak 57 peratus pada tahun 2023. Berbanding negara serantau, pencapaian ini di kedudukan yang terbaik. Kecemerlangan ini telah mengangkat nama negara di mata dunia. Kejayaan ini adalah untuk negara Malaysia terus memacu kecemerlangan yang berterusan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Malaysia di Tangga Keempat Kurangkan Kehilangan Hutan'  
oleh Irwan Shafrizan Ismail,  
*Berita Harian, 1 Julai 2023*

[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

**Bahan 1**

KANGAR: Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bersetuju menyertai program Bendang Run 2019 yang bermula dan berakhir di dataran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Perlis, Jejawi disini bersama-sama 1,200 orang peserta pada awal pagi tadi. Tuanku Syed Faizuddin Putra bertitah penganjuran larian itu amat tepat sekali pada masanya kerana program itu dilangsungkan dua minggu sebelum Perlis Marathon 2019 pada 27 April ini. Program itu ialah penganjur Kelab JPJ dan Jabatan Penyiaran Perlis bersempena dengan sambutan ulang tahun yang ke 73. Pengarah JPJ Perlis, Shahrul Azhar berkata, larian itu bertujuan menggalakkan budaya hidup sihat di dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama jabatan ini membantu dalam menyemarakkan lagi aktiviti pelancungan sukan di negeri ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
<https://www.bharian.com.my>

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Bahan 2**

**LARIAN BENDANG DI LONDAH**

**HADIAH KESELURUHAN RM 20,000**

Hadiyah yang lumayan akan penganjur sediakan.

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

1. Terbuka kepada warga negara Malaysia yang berani dan sihat.
2. Bidang penyertaan ialah individu dan keluarga.
3. Yuran penyertaan individu ialah RM10.00 manakala yuran untuk sebuah keluarga ialah RM 20.00.
4. Peserta yang paling cepat sekali tiba ke garisan penamat dikira sebagai pemenang.
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 10 Mac 2023 pukul 4.00 petang.

<https://londahnegerisembilan.com> Ashraf : 011-1223345 Diana : 017-7665543

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 3*  
 Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu."

Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri."

Dipetik daripada 'Burung Terbang dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang sesuai dengan situasi.

Puan Sharifah sering memarahi Syed kerana sikapnya yang suka membuat kerja sambalewa. Televisyen yang dibaiki Syed masih belum berfungsi. Syed sekadar mendengar leteran ibunya tetapi tidak pernah menghiraukan kata-kata ibunya itu. Semua kerja yang dilakukan Syed ala kadar sahaja dan tidak bersungguh-sungguh. Bukan sahaja malas, malah Syed juga tidak mempunyai kemahiran. Televisyen yang cuba dibaiki Syed bukannya bertambah elok malahan bertambah rosak.

[6 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

[35 markah]

- 6** *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Aspirasi yang dibawa oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Ybhg. Dato' Haji Pkharuddin Haji Ghazali telah mendapat sokongan daripada Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek yang meminta agar slogan “Anak yang Baik lagi Cerdik” (ABC) ini diteruskan ke seluruh Malaysia. Konsep ABC adalah sejajar dengan aspirasi tujuh teras utama yang menjadi fokus KPM dalam proses kemenjadian murid, iaitu menekankan aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti dalam kalangan murid. Secara dasarnya, slogan ini *memfokuskan kaedah* untuk melahirkan murid yang mempunyai sahsiah diri yang baik, lantaran meningkatkan daya intelektual murid. Slogan ini merupakan usaha untuk memberikan pemahaman yang mudah kepada masyarakat untuk menghayatinya.

Beliau turut percaya bahawa nilai adab yang dapat diperaktikkan oleh anak-anak sedari kecil berupaya membawa kecemerlangan kepada murid dalam konteks akademik berkat dorongan daripada ibu bapa.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Aspirasi Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC)’  
 oleh Siti Irni Yuslinda Mosman,  
*Dewan Siswa*, Bil. 05/2023

**Bahan 2**

Akhlik dan sahsiah sangat dititikberatkan dalam diri seseorang murid. Sokongan persekitaran seperti sokongan guru, sokongan ibu bapa, sokongan rakan sebaya dan sokongan masyarakat turut menjadi elemen utama dalam proses kemenjadian seseorang murid. Sewajarnya murid-murid perlu mendapat semua sumber sokongan persekitaran untuk membantu meningkatkan kemahiran insaniah murid.

Seseorang akan berubah ke arah kebaikan jika individu tersebut menghayati akhlak dalam kehidupannya. Kesan daripada proses kemenjadian ini juga akan mempengaruhi tingkah laku positif seseorang murid. Apabila murid-murid tidak mempunyai pegangan agama dan moral yang kukuh, mereka akan terumbang-ambing dalam arus modenisasi dan kejutan budaya yang melibatkan institusi keluarga, masyarakat dan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar  
 Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam’  
 oleh Hasbullah, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi,  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *memfokuskan kaedah*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah kesan daripada proses kemenjadian murid? [3 markah]
- (iii) Belakangan ini, masyarakat Malaysia sering dihidangkan dengan beberapa kejadian yang melibatkan murid berkelakuan kurang sopan terhadap gurunya. Lebih menyedihkan, murid pada hari ini bukan sahaja tidak menghormati guru, tetapi juga semakin berani mencerca dan mencederakan guru.  
Pada pendapat anda, nyatakan kepentingan-kepentingan menghormati guru. [4 markah]
- (iv) Anda telah menyertai Program Perkhemahan Badan Beruniform di sekolah. Satu pertandingan telah dijalankan tetapi berlaku perbalahan antara kumpulan anda dengan kumpulan rakan anda kerana beranggapan keputusan yang diumumkan oleh guru tidak adil. Beberapa orang rakan anda telah mengeluarkan kata-kata kesat di hadapan guru.  
Sebagai Pembimbing Rakan Sebaya, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan? [3 markah]

- 7 Bacalah bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

"Aku menyambut baik program yang bertujuan untuk mengetengahkan adat, seni dan budaya," kata Pak Budin. "Program seumpama ini seharusnya kita berikan sokongan sepenuhnya. Sekurang-kurangnya generasi muda di kampung ni dapat mengenali dengan lebih dekat lagi adat, seni dan budaya yang menjadi kebanggaan kita semua," tambah Pak Ismail.

"Adat, seni dan budaya yang setelah sekian lama diperturunkan oleh datuk nenek moyang kita harus dipertahankan buat selama-lamanya. Biarpun zaman sentiasa mengalami peredaran yang pesat," ujar Pak Rahman dengan penuh bersemangat.

"Itu memang kita tidak dapat nafikan. Setiap yang lama pasti akan digantikan dengan yang baru. Begitu juga dengan zaman yang kita lalui. Pasti akan berubah apabila tiba masanya. Tapi adat, seni dan budaya yang menjadi amalan dalam kehidupan kita tidak boleh dibiarkan hanyut dan hilang dengan begitu sahaja. Apabila berlaku arus permodenan yang pesat," tegas Pak Budin pula sebaliknya.

Dipetik daripada cerpen 'Memperkasakan Adat, Seni dan Budaya'  
oleh Azaika SR,  
[www.saudari.com](http://www.saudari.com)

**Bahan 2****Pantun Adat Budaya**

Kurung Pahang digaya selesa,  
Dijahit rapi cantik memikat;  
Aneka budaya majmuknya bangsa,  
Rukun harmoni hidup sepakat.

Sirih junjung sirih pinang,  
Sirih disusun bertingkat-tingkat;  
Adat dijunjung warisan dikenang,  
Bangsa berbudi saling muafakat.

Madu itu manis rasanya,  
Khasiat hebat tidak terlawan;  
Masyarakat harmoni aman sentosa,  
Pelbagai budaya sepanjang zaman.

Ummulfateh

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *harus dipertahankan buat selama-lamanya*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan tujuan adat, seni, dan budaya perlu diketengahkan dalam masyarakat. [3 markah]
- (iii) Setiap kaum di Malaysia mempunyai warisan seni pertahanan diri seperti Silat, Silambam, Wusyu, dan Kuntau.  
Pada pendapat anda, mengapakah seseorang individu perlu mempelajari seni pertahanan diri? [4 markah]
- (iv) Sekolah anda telah menubuhkan beberapa kelab seni pertahanan diri. Unit Kokurikulum telah memberi peluang kepada semua murid untuk memilih kelab seni pertahanan diri yang akan disertai sepanjang tahun ini.  
Sebagai murid, apakah langkah-langkah yang perlu anda ambil dalam membuat pemilihan tersebut? [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikut dengan menggunakan ayat sendiri.

Kemudian Samad dibawa ke sebuah rumah kosong yang terletak tidak jauh dari pekan Pasir Panjang. Di sana pengintip Jepun itu menginap dan membuat pengintipan serta mencari maklumat. Samad ditugaskan mengintip kedudukan tentera British di Pasir Panjang untuk memudahkan pihak Jepun menawan kawasan tersebut.

Samad menunggang basikalnya sambil berlegar-legar di luar pangkalan tentera Bukit Candu. Matanya liar memerhati keadaan sekitar. Keadaan di pangkalan itu kelihatan tenang. Anggota pasukan keselamatan mundar-mandir mengawal ketat sekitar pangkalan sambil menggalas senjata. Kelihatan juga beberapa orang pengawal kampung sedang berbual di pondok keselamatan itu bersama-sama anggota bertugas. Kemudian pangkalan tentera itu ditinggalkan dan dia mengayuh basikalnya menuju ke pangkalan Pasir Panjang pula untuk melakukan intipan. Segala maklumat itu akan disampaikan kepada pihak perisikan Jepun.

Dipetik daripada  
novel *Lefstenan Adnan Wira Bangsa*  
karya Abdul Latip bin Talib,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Samad semasa menjalankan tugasnya sebagai pengintip Jepun.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Lefstenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib  
(b) Tirani karya Beb Sabariah

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji,uraikan dua peristiwa pada bahagian permulaan yang menarik minat pembaca.

[6 markah]

### BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9** *Baca dengan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

**Bahan 1**

Umum mengetahui melancong merujuk kepada aktiviti lawatan atau kunjungan ke sesuatu tempat bagi tujuan tertentu. Sektor pelancongan negara kembali pulih setelah hampir dua tahun berhadapan dengan situasi sukar akibat serangan Covid-19. Susulan dengan itu, Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia giat merancang program pelancongan dalam negara. Melalui aktiviti melancong di inap desa yang diusahakan oleh penduduk kampung, kita boleh mempelajari adat, budaya dan nilai kesopanan. Budaya masyarakat Timur seperti kerjasama dan hormat-menghormati masih subur diamalkan oleh penduduk di desa.

Sebelum melancong kita perlu mempunyai persediaan untuk memastikan percutian berjalan dengan lancar. Kita perlu mendapatkan maklumat yang mencukupi tentang destinasi yang ingin dituju. Maklumat ini boleh didapati dengan melayari Internet atau bertanya kepada rakan-rakan yang pernah mengunjungi lokasi tersebut. Setelah sibuk bekerja, pastinya kita memerlukan aktiviti yang boleh menenangkan fikiran daripada tekanan kerja dan rutin kehidupan harian. Oleh itu, aktiviti melancong berupaya merehatkan minda dan mengurangkan stres seseorang. Seseorang yang ingin pergi melancong hendaklah mengetahui kadar tukaran wang negara yang dipilihnya dan merancang perbelanjaan dengan sebaiknya. Pengurusan kewangan penting bagi memastikan kita tidak mengalami kesukaran semasa bercuti dan selepas balik dari melancong.

Melalui percutian yang berkonsepkan riadah dan rekreasi pula akan menjadikan individu itu berperibadi ceria serta tahan diuji dari segi minda dan fizikal. Sifat yang sedemikian dapat dibentuk melalui aktiviti lasak seperti berbasikal, berenang dan mengembala di hutan. Lokasi seperti Hutan Rekreasi Tanjung Tuan, Pulau Redang, dan Lata Kijang menjadi tumpuan pelancong. Namun, sebagai persediaan kita disaran untuk membuat pemeriksaan kesihatan sebelum memulakan perjalanan sekiranya mempunyai sejarah penyakit yang serius. Hal ini penting bagi mengelakkan situasi yang di luar jangkaan. Aktiviti melancong haruslah dijadikan agenda keluarga bagi membentuk masyarakat yang sihat dari segi mental dan fizikal.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Melancong Merehatkan Minda'  
oleh Dr. Kama Shaffee,  
*Dewan Siswa, Bil 12/2021*

[Lihat halaman sebelah]

**SULIT**

**Bahan 2**

Sebagai pelancong  
kita perlu sentiasa  
menyimpan dokumen  
pengenalan diri  
di tempat yang selamat.

Jangan lupa untuk  
membuat tempahan  
tiket ke destinasi  
percutian dengan  
lebih awal.

**Bahan 3****Gurindam Jelajah Kembara**

Pusat pelancongan gah dibina,  
Jadi tumpuan serata buana.

Kalau melancong bersama keluarga,  
Ikatan ukhuwah pasti terjaga.

Rancang perjalanan ketika bercuti,  
Tidaklah nanti akan sakit hati.

Kalau melancong sambil belajar,  
Banyak pengetahuan dapat dikehjar.

Umi RA  
Seremban, 2023.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**